

Pembudayaan membaca perlu lebih sistematik

m/s: 2
BH - 14/2/2020

PM bimbang sumber digital tanpa sekatan jadi medan sebar berita palsu

Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Bangi: Sumber pembacaan dalam arus digital tanpa sekatan boleh menjadi 'gelanggang' kepada penyebaran berita palsu dan kandungan yang merosakkan masyarakat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, program pembudayaan amalan membaca perlu disusun lebih sistematik supaya masyarakat dapat membezakan kandungan yang benar atau palsu.

"Di sini letaknya cabaran pembacaan hari ini untuk membezakan yang benar dan palsu, yang dihasil melalui kajian dan yang dicipta secara picisan," katanya ketika merasmikan pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan (DMK) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga pemangku Menteri Pendidikan berkata, pengaruh digital kepada masyarakat begitu besar sehingga sumber pembacaan tradisional seperti

akhbar dan buku semakin ditekankan.

"Banyak syarikat akhbar terpaksa gulung tikar kerana jualan merosot, manakala buku tinggal mengumpul debu di perpustakaan atau di atas rak.

"Namun begitu, ini tidak bermakna rakyat sudah berhenti membaca. Yang berubah ialah sumber pembacaan. Hari ini hampir semua akhbar mempunyai versi digital dan buku juga diterbitkan secara digital," katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai kepentingan budaya membaca yang menurutnya ia adalah suatu amalan pemerolehan dan pengukuhan ilmu pengetahuan sebagai asas kepada pembangunan diri manusia.

Jelas beliau, melalui amalan membaca seseorang bukan sahaja kaya dengan pelbagai ilmu pengetahuan, bahkan berkebolehan menyampaikan ilmu pengetahuan dengan baik dan berkesan.

Katanya dari segi sains, amalan membaca menjadi satu daripada kaedah senaman dan latihan minda yang berkesan, di samping ber-



Dr Mahathir melawat pameran buku selepas Majlis Pelancaran Dekad Membaca Kebangsaan di Dewan Canselor Tun Abdul Razak UKM, Bangi, semalam. (Foto Ahmad Irham Mohd Noor/ BH)

keupayaan memperkuat rangkaian otak manusia serta mampu merangsang pembinaan rangkaian saraf yang baharu.

"Dan jika kita membaca sesuatu berulang kali, apa yang kita baca itu akan lebih lekat di dalam ingatan dan tidak mudah dilupa-

Di sini letaknya cabaran pembacaan hari ini untuk membezakan yang benar dan palsu, yang dihasil melalui kajian dan yang dicipta secara picisan.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

kan. Pembacaan yang banyak juga dapat mempertingkatkan kecerdasan emosi (EQ) dan tahap kecerdasan intelektual (IQ) seseorang.

"Kedua-dua unsur kecerdasan ini amat penting bagi membolehkan seseorang itu menguasai pelbagai keadaan dan merebut peluang yang ada bagi pembangunan diri," katanya.

Beliau turut menyarankan agar industri buku di negara ini terus berdaya saing serta dapat memenuhi kehendak pembaca khususnya sebagai persediaan menghadapi Revolusi Industri (IR 4.0).

"Bagi membudayakan amalan membaca ini, usaha menerbitkan bahan bacaan yang berkualiti dan memenuhi keperluan negara memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak.

"Golongan penulis, editor dan penerbit buku perlu dilibatkan se-

cara aktif dalam inisiatif ini," katanya.

Timbalan Menteri Pendidikan, Teo Nie Ching turut hadir pada majlis itu.

DMK adalah inisiatif kerajaan dalam usaha meningkatkan keberhasilan pembacaan rakyat di negara yang antara lain akan memantapkan persekitaran asas galakan membaca dan ketersediaan mental rakyat secara agresif, kreatif dan inklusif selaras hasrat menjadikan Malaysia negara membaca dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Melalui slogan #MalaysiaMembaca, DMK anjuran Kementerian Pendidikan itu memberi fokus untuk meningkatkan jumlah pembacaan, jumlah pembaca dan sasaran pembaca yang lebih menyeluruh serta melalui pambaitan semua peringkat masyarakat.